

Headline	TERANGI JALAN KAMPUNG		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Setempat	Page No	30
ArticleSize	430 cm <sup>2</sup>	Journalist	Mohamed Farid
PR Value	RM 50,818		



**50,000** >>Jumlah pemasangan lampu jalan kampung LED

# TERANGI JALAN KAMPUNG

■ Kerajaan peruntuk RM100 juta pasang lampu LED

FOTO: MOHD AZREN JAMALUDIN



NAJIB bersalaman dengan orang ramai ketika hadir pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan Majlis Penyerahan Lampu Jalan Kampung Fasa 8 Negeri Johor di Padang Awam Bukit Mor, Muar.

**Mohamed Farid Noh dan  
Badrul Kamal Zakaria**  
news@nstp.com.my

**Muar**

**P**erdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengumumkan peruntukan RM100 juta untuk memasang 50,000 lampu jalan kampung LED di seluruh negara.

Sebanyak RM50 juta daripada jumlah itu dikeluarkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) manakala kerajaan menambah baki RM50 juta untuk memasang kemudahan itu yang

bakal memberi manfaat kepada 2.5 juta penduduk kampung di seluruh negara.

“Program lampu jalan kampung dan FELDA memang amat dekat di hati saya. Tahun lalu, kerajaan memperuntukkan RM100 juta untuk memasang lampu jalan di kampung seluruh negara.

“Lampu jalan kampung kalau kita pasang akan menjadikan suasana lebih ceria dan terang, apatah lagi jika lampu LED.

“Oleh itu, tahun ini, kerajaan bersetuju memperuntukkan RM100 juta lagi untuk pemasangan 50,000

“**Saya harap projek pemasangan lampu jalan kampung ini yang dijangka mengambil masa antara 10 hingga 14 bulan ini disegerakan sebelum Aidilfitri**”

**Najib Razak**

lampu jalan kampung LED di seluruh negara.

“Saya harap projek pemasangan lampu jalan kampung ini yang dijangka mengambil masa antara 10 hingga 14 bulan disegerakan, kalau boleh sebelum

Aidilfitri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan Majlis Penyerahan Lampu Jalan Kampung Fasa 8 Negeri Johor di Padang Awam Bukit Mor, Parit Jawa, dekat sini, semalam.

Turut hadir, isterinya Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nor-din, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Ya-akob dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Muar, Datuk Seri Razali Ibrahim.